

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CAS - Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Sent: Wednesday, February 21, 2018 4:22 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Yahya Bin Don; Prof. Madya Dr. Mohd Zailani bin Mohd. Yusoff; Prof. Madya Dr. Mohd. Isha bin Awang; Zairi Afandi bin Ishak; Dr. Hasniza binti Nordin
Subject: UUM DAN ABM UTARA JALANKAN KERJASAMA KAJIAN PENYELIDIKAN



**Pusat Pengajian Pendidikan
dan Bahasa Moden**

SCHOOL OF EDUCATION AND MODERN LANGUAGES

Universiti Utara Malaysia



21 FEBRUARI 2018 / 5 JAMADILAKHIR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM DAN ABM UTARA JALANKAN KERJASAMA KAJIAN PENYELIDIKAN



SEML ONLINE: 14 Februari 2018 – Satu perbincangan kerjasama penyelidikan telah diadakan antara sekumpulan penyelidik daripada Universiti Utara Malaysia yang terdiri daripada Dr. Hasniza Nordin, Prof. Madya Dr. Tengku Faekah Tengku Ariffin, Dr. Mohamad Ghazali Hassan, Dr. Mohd Azril Ismail, En. Rusman Ghani dan Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Nasrun Mohd Nawawi dengan Ketua Pegawai Operasi Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara iaitu En. Mohd Nazri Hj. Zakaria, bertempat di Bilik Mesyuarat


Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara. Kolaborasi penyelidikan ini melibatkan tiga (3) pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) dan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Shafinas (TISSA).

Kerjasama penyelidikan yang bertajuk "*Exploring Contextual Factors of ABM Trainees' Retention at the Workplace*" ini adalah bertujuan untuk meneroka faktor-faktor kontekstual yang mempengaruhi pengekalan pelatih Akademi Binaan Malaysia (ABM) ditempat kerja serta untuk membangunkan modul kesediaan kerjaya untuk pelatih ABM. Penemuan kajian ini akan digunakan untuk membantu ABM dalam memahami faktor permasalahan yang timbul dikalangan pelatih ABM dalam industri pembinaan di Malaysia.

Dalam pertemuan ini juga beberapa isu dibincangkan antaranya adalah tentang usahasama lain yang boleh dijalankan diantara UUM dan ABM dalam menyumbang kepada kelestarian sektor pembinaan di Malaysia. Kerjasama penyelidikan ini juga dianggarkan berjumlah RM151,898.00 dan akan mengambil masa 1 tahun untuk disiapkan. Kerjasama ini juga adalah untuk membantu ABM dalam mempersiapkan diri bagi menghadapi anjakan Revolusi Industri 4.0. Adalah diharapkan kerjasama seperti ini dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu UUM dan ABM.

Sekian.

School of Education and Modern Languages
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
Sintok 06010 | Kedah | Malaysia
Tel: +604 9285381/5388/5392/5393/5394/5395
Fax: +604-9285382 | Email: seml@uum.edu.my



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.